

TEPAT & TERKINI



KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Berdasarkan



Tingkatan

1

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu⁽⁰²⁾



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

6 Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.

- (i) *Sejambak Bakti*, karya Rejab F.I
- (ii) *Pelari Muda*, karya Ghazali Ngah Azia
- (iii) *Destinasi Impian*, karya Mohd Ismail Sarbini
- (iv) *Formula Termodinamik*, karya Obasiah Haji Usman

Persoalan merupakan satu daripada unsur sastera yang diterapkan oleh penulis dalam karya mereka untuk mengembangkan cerita. Penerapan persoalan ini digambarkan menerusi peristiwa yang berlaku dan melibatkan watak dalam karya tersebut.

Berdasarkan sebuah daripada novel yang anda pelajari, nyatakan persoalan yang sesuai dengan contoh peristiwa yang diberikan. Kemudian, kemukakan **dua** contoh peristiwa lain yang bersesuaian dengan persoalan tersebut. Peristiwa yang dikemukakan mestilah berkaitan dengan watak utama yang dinyatakan.

NOVEL	WATAK	CONTOH PERISTIWA
Sejambak Bakti	Razali	Razali tabah menempuhi segala dugaan dan cabaran yang ditimbulkan oleh Munir dan rakan-rakannya yang cemburu akan kejayaannya.
Pelari Muda	Kamarul	Kamarul gigih menjalani latihan sebaik sahaja sihat daripada kemalangan.
Destinasi Impian	Firdaus	Firdaus berani menyahut cabaran datuknya untuk menunggang basikal dari rumahnya ke Pantai Baru Morib, walaupun dia tidak pernah menunggang basikal sejauh itu sebelum ini.
Formula Termodinamik	Amir	Amir bekerjasama dengan Usamah untuk mengubah mesin rumput terpakai dengan berpanduan Formula Dua Hukum Populer Termodinamik.

[10 markah]

BAHAGIAN C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **usaha-usaha untuk mengembangkan seni lukis di Malaysia**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Seni lukis mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju seiring dengan hasrat negara untuk menjadikan seni budaya sebagai satu daripada penerapan nilai rohani dalam pembentukan insan.

Dari aspek masa depan pelukis, banyak perkara yang dapat diperbaiki. Pada hari ini, hanya terdapat dua buah sekolah seni di Malaysia. Bilangan ini wajar ditambah di setiap negeri, terutama di bandar-bandar yang terkenal sebagai pusat seni seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Melaka. Institusi pengajian tinggi perlu menawarkan kursus seni dan budaya bagi menyediakan tenaga mahir dalam bidang ini pada masa hadapan. Pada masa ini, hanya Aswara yang menawarkan kursus seni dan budaya secara menyeluruh. Usaha sama perlu dilakukan untuk menambah institusi pengajian tinggi yang memfokuskan kursus seni lukis dalam pelbagai genre bagi menyokong sekolah seni.

Untuk pelukis bergiat secara serius sebagai pelukis sepenuh masa, beberapa inisiatif boleh dilakukan dalam aspek kebajikan agar kelangsungan karier seni mereka tidak terkandas. Sebagai contoh, bagi pelukis muda, ruang kerja atau studio sememangnya menjadi keperluan utama. Dengan sokongan sektor korporat, kilang, gudang, rumah, bangunan kerajaan, atau kuarters kerajaan yang terbiar dan tidak digunakan lagi boleh dijadikan ruang pelukis dengan menggunakan pelbagai nama seperti residensi, ruang alternatif, dan komuniti seni. Tempat ini dapat dijadikan sebagai tempat tarikan pelancongan yang bukan sahaja mendatangkan pekerjaan kepada pelukis malah menjanakan pendapatan melalui pelancongan seni budaya.

Hampir setiap negeri mempunyai galeri seni untuk mengadakan pameran. Muzium dan galeri ini mengadakan pameran sepanjang tahun dengan rancaknya. Misalnya, Balai Seni Negara dan Muzium Kesenian Islam Malaysia mempamerkan karya koleksi negara dan antarabangsa secara berkala.

[15 markah]

KERTAS UJIAN TAMAT

SET 1 K1 – 12